

Tanya Cikgu Naim



SOALAN

Soalan 1

Saya ingin bertanya tentang ayat ini.
'Saya meminta maaf daripada nenek saya.'

atau boleh kita gunakan minta maaf kepada nenek saya?

Saya harap cikgu dapat menjelaskan perbezaan penggunaan kata hubung di atas.

Terima kasih.

Syafique Bin Faerique, Sekolah Zhonghua ,

Soalan 2

Kita selalu menggunakan kata hubung daripada untuk ayat berikut:

Saya minta maaf daripada ibu dan bapa.

Adakah kita boleh menggunakan minta maaf kepada ibu dan bapa?

Saya ingin cikgu memberikan penjelasan tentang penggunaan kepada dan daripada untuk ayat ini.

Hazazi bin Zaid

JAWAPAN

Pada hari yang sama, saya menerima pertanyaan daripada dua orang pelajar mengenai hal yang sama. Bagi pengetahuan anda, "saya minta maaf ..." seharusnya ditulis "saya meminta maaf..."

Yang mana yang benar?

Saya meminta maaf kepada Ali,
atau
Saya meminta maaf daripada Ali.

Kata Sendi Nama "daripada" merujuk kepada tiga perkara berikut:

- 1) Bagi menunjukkan asal sesuatu.
Songkok ini dibuat daripada baldi.
Lampu hiasan itu dibuat daripada kertas.
- 2) Bagi menunjukkan punca sesuatu.
Surat itu daripada kawan saya.
Hadiah ini daripada Basir.
- 3) Bagi menunjukkan perbandingan dengan sesuatu.
Dia lebih pandai daripada abangnya.
Daun Pudina lebih wangi daripada daun pandan.

Kata Sendi nama "kepada" merujuk kepada dua perkara berikut:

- 1) Bagi menunjukkan sasaran
Kami bermohon kepada Allah.
Cikgu merujuk perkara itu kepada pengetua.
- 2) Bagi menunjukkan maksud pecahan
Adunan itu dibahagikan kepada dua bahagian.
Buku itu dibahagikan kepada sepuluh bab.

Jadi yang mana betul; kepada atau daripada?

Jawapannya ialah Saya meminta maaf kepada Ali kerana Ali merupakan sasarannya.

Bagi mengetahui penggunaan Kata Sendi Nama, sila lungsur :
<http://www.saujana.sg/portals/3/bicara%20bahasa/29ksntrn.pdf>

Sekian.